

Lahir daripada sikap melampau

B31 1 DEC 1985

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan peristiwa berdarah di Kampung Memali, Baling berpunca daripada sikap melampau golongan terbabit dan mempunyai kaitan politik.

“Kita tidak boleh menolak hakikat orang itu (Ibrahim Libya) pernah menjadi calon Pas dalam pilihanraya sebelum ini,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Asean di sini.

Perdana Menteri menegaskan, walaupun Pas tidak menyokong tindakan seperti itu, mereka juga terbawa-bawa dengannya apabila menentang tindakan polis menangkap penjenayah yang terbabit.

Menurutnya, jika tindakan itu adalah tindakan jenayah, tidak sesiapa pun harus membantah tangkapan yang dibuat.

“Semuanya itu berpunca daripada

Oleh **MANJA ISMAIL**

penentangan terhadap polis untuk menangkap mereka yang terbabit. Polis amat berhati-hati untuk tidak mencederakan orang ramai sehingga mereka (polis) juga turut terbunuh.

“Peristiwa itu amat malang sekali. Bagaimanapun, kita harus berbangga dengan apa yang telah pasukan polis lakukan. Kalau kita tidak mahu mempunyai satu masyarakat yang huru-hara, kita mesti mempunyai pasukan polis yang berkesan,” tegasnya.

Siasatan

Mengenai permintaan Pas supaya diadakan satu siasatan rasmi, Perdana Menteri berkata: “Apakah yang dimaksudkan dengan siasatan rasmi? Memang siasatan rasmi dibuat untuk peristiwa-peristiwa seperti itu.

“Bagaimanapun, kita tidak mahu siasatan rasmi itu sekadar dijadikan tontonan umum bagi membolehkan parti-parti politik menggunakan isu itu. Apa yang Pas kehendaki ialah satu isu politik dan bukan siasatan,” tegasnya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, apa yang ahli Pas mahu ialah menjadikannya satu isu besar bagi membanyakkan lagi isu politik parti itu.

“Itulah yang mereka kehendaki. Mereka tidak berminat sama ada negara ini aman atau tidak.

“Mereka seolah-olah menyokong kegiatan seperti itu kerana mereka tidak mengutuk kejadian itu, kecuali hanya seorang, yang mengatakan ia tidak mempunyai kaitan dengan Pas,” tegasnya.

Manakala penyokong Pas yang lain, kata Perdana Menteri, berasakan mereka harus menyokong tindakan itu dan mendakwa ia adalah jihad.

“Jihad apa kalau mereka membunuh anggota-anggota polis yang sedang menjalankan kewajiban mereka,” ujarnya.

Mengenai dakwaan kejadian di Baling itu berpunca daripada kemiskinan di luar bandar, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

“Kemiskinan di sana dan tempat-tempat lain wujud sejak zaman British lagi, tetapi tidak pula berlaku kejadian seumpama itu. Adakah rakyat ketika itu takutkan British?

Kerajaan sekarang liberal. Oleh kerana kita mengamalkan demokrasi, mereka berani mengambil kesempatan.

Penyokong

“Banyak kawasan luar bandar yang masih miskin tetapi penduduknya menjadi penyokong kerajaan. Kenapa kejadian seperti itu tidak berlaku di tempat-tempat mereka,” tanya Perdana Menteri.

Menurut beliau lagi, jika penduduk Kampung Memali benar-benar miskin, masakan mereka menggunakan wang membeli alat-alat yang tidak diperlukan seperti nanah dan racun.